

**UNDANG-UNDANG BAGI
PERSATUAN PENDUDUK CANAL GARDENS, KOTA KEMUNING, SELANGOR**

FASAL 1 NAMA

1. Pertubuhan ini dikenali dengan nama “**Persatuan Penduduk Canal Gardens, Kota Kemuning, Shah Alam**” atau dalam Bahasa Inggeris “**Canal Gardens Residents’ Association, Kota Kemuning, Shah Alam**” (selepas ini disebut sebagai “Pertubuhan”).

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat dan tempat urusan Pertubuhan ialah **No. 25, Jalan Anggerik Vanilla 31/98R, Canal Gardens, Kota Kemuning, Seksyen 31, 40460 Shah Alam, Selangor** atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa dan alamat untuk surat menyurat adalah seperti di atas.
2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

1. Menjalinkan silatur-rahim dan memupuk perpaduan dan keharmonian diantara penduduk-penduduk di Canal Gardens, Kota Kemuning, Shah Alam yang berbilang kaum dan agama.
2. Memperjuangkan kepentingan dan meningkatkan taraf keselamatan, keselesaan dan kemudahan untuk ahli.
3. Mewujudkan perhubungan dengan pemaju perumahan Canal Gardens, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan (termasuk Majlis Bandaraya Shah Alam) dan sebagainya dalam hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan Penduduk Kota Kemuning.

FASAL 4 KEAHLIAN

1. Syarat-syarat keahlian adalah seperti berikut:-
 - a) umur 21 tahun ke atas
 - b) penduduk sah di Canal Gardens, Kota Kemuning, Shah Alam, Selangor
 - c) jumlah keahlian tidak terhad
 - d) warganegara Malaysia dan juga permastautin di Canal Gardens,

Kota Kemuning, Shah Alam, Selangor

2. Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangan dan disokong oleh dua orang ahli dan dihantar kepada Setiausaha yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budibicaranya, menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.
3. Tiap-tiap permohonan yang permohonannya telah diluluskan seperti yang dinyatakan diatas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran tahunan pertama seperti yang ditetapkan diterima menjadi ahli Pertubuhan dan berhaklah ia sebagai ahli.
4. Seorang pelajar Universiti or Kolej-Universiti tidak boleh diterima menjadi ahli Pertubuhan ini kecuali ia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti yang berkenaan.

FASAL 5 BAYARAN MASUK, YURAN TAHUNAN DAN BAYARAN LAIN

1. Bayaran masuk dan yuran yang perlu dibayar adalah seperti berikut:-
 - a. Yuran tahunan RM20.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Sahaja).
2. Yuran tahunan hendaklah dibayar kepada Bendahari terlebih dahulu dalam masa 60 hari dari awal tiap-tiap tahun.
3. Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada satu tahun akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh Setiausaha atau wakilnya, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.
4. Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih daripada jumlah yuran bagi dua tahun dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.
5. Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.
6. Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dijalankan dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang gagal membayar yuran tersebut dalam masa yang telah ditetapkan maka wang ini akan dianggap sama seperti hutang yuran tahunan.

FASAL 6 PEMBERITAHUAN DAN PEMECATAN AHLI

1. Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan, hendaklah memberi kenyataan bertulis dua (2) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.
2. Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Pertubuhan atau bertindak dengan cara mencemarkan nama baik Persatuan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi satu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut ahli itu hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agong menundakan atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

FASAL 7 MESYUARAT AGONG

1. Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada Mesyuarat Agong ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah ahli jawatankuasa mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agong bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi ahli untuk mesyuarat.
2. Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh lain (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika ahli tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
3. Mesyuarat Agong Tahunan bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahunan kewangan tetapi tidak lewat daripada **31hb Mac** pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja Mesyuarat Agong Tahunan ialah:-
 - a. Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan Pertubuhan di dalam tahun lalu;
 - b. Menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun lalu;

- c. Memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan pemeriksa kira-kira untuk tempoh dua (2) tahun; dan
 - d. Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.
4. Setiausaha hendaklah menghantar kepada setiap ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agong Tahunan diadakan satu Agenda Mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Pertubuhan.
5. Mesyuarat Agong Khas bagi Pertubuhan ini boleh diadakan:-
 - a. Pada bila-bila masa yang difikirkan mustahak atau perlu oleh Jawatankuasa, atau
 - b. Atas permintaan ramai secara bertulis oleh tidak kurang dari satu perlima (1/5) dari jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Pertubuhan.
6. Mesyuarat Agong Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
7. Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agong Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk mesyuarat.
8. Fasal 7(1) dan 7(2) di dalam Undang-undang ini berkenaan ahli dan penangguhan Mesyuarat Agong Tahunan boleh digunapakai untuk Mesyuarat Agong Khas tetapi dengan syarat jika ahli tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agong Khas atas permintaan ahli-ahli, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini Mesyuarat Agong Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidak boleh diadakan.
9. Setiausaha hendaklah menghantar kepada setiap ahli satu salinan deraf minit mesyuarat setiap Mesyuarat Agong Tahunan dan Mesyuarat Agong Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

FASAL 8 JAWATANKUASA

1. Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agong Tahunan:-
 - a. Seorang Pengerusi
 - b. Seorang Naib Pengerusi
 - c. Seorang Setiausaha
 - d. Seorang Bendahari
 - e. 10 orang Ahli Jawatankuasa Biasa
2. Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan in hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia.
3. Ahli-ahli Jawatankuasa adalah dipilih melalui proses mengundi oleh ahli-ahli Pertubuhan semasa Mesyuarat Agong Tahunan Pertubuhan. Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agong Tahunan.
4. Pegawai-pegawai eksekutif Pertubuhan (termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari) adalah dipilih oleh Ahli-ahli Jawatankuasa daripada kalangan mereka sendiri, selepas pemilihan Ahli-ahli Jawatankuasa oleh ahli-ahli Pertubuhan semasa Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan.
5. Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola, mengurus dan mengaturkan kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut matlamat dan tujuan Pertubuhan serta mana-mana dasar am yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agong. Jawatankuasa tidak boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan sebarang keputusan Mesyuarat Agong tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripadanya dan Jawatankuasa mestilah senantiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Agong. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada setiap Mesyuarat Agong Tahunan.
6. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali didalam 3 bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa 7 hari terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.

7. Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka setiausaha boleh mendapatkan kelulusan dari Ahli-ahli Jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima.
 - a. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan jelas di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada setiap ahli jawatankuasa;
 - b. Sekurang-kurangnya separuh ($1/2$) daripada bilangan ahli jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu dengan menanda-tangani surat pekeliling tersebut;
 - c. Keputusan hendaklah dengan cara undi yang terbanyak; dan
 - d. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.
8. Ahli jawatankuasa yang gagal menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga (3) kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.
9. Jika seorang Ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak didalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan ini, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga pemilihan yang akan datang. (Mesyuarat Agung Tahunan diadakan)..
10. Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada mana-mana pegawai-pegawai eksekutif atau Ahli-ahli Jawatankuasa biasa untuk menjalankan urusan Pertubuhan dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan mana-mana pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan Jawatankuasa atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.
11. Jawatankuasa boleh menubuhkan jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli jawatankuasa.

FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

1. Pengerusi, dalam tempoh menyandang jawatannya hendaklah menjadi pengerusi bagi semua Mesyuarat Agong dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab ke atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani minit mesyuarat bila telah diluluskan. Pengerusi hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama dengan Setiausaha dan/atau Bendahari .
2. Naib Pengerusi hendaklah memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaanya.
3. Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah menjalankan mana-mana keputusan atau resolusi Mesyuarat Agong dan Jawatankuasa. Setiausaha bertanggungjawab mengendalikan urusan surat-menyurat dan menyimpan semua rekod, buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan Buku Daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah tiap-tiap ahli. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agong Tahunan diadakan mengirim penyata tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan, 1966.
4. Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Bendahari hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi dan Setiausaha.
5. Ahli jawatankuasa biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

FASAL 10 KEWANGAN

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam peraturan ini wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-kira.

Walaubagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman diMahkamah.

2. Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Pertubuhan.
3. Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari. Semasa ketiadaan Pengerusi, Setiausaha atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa diantara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Pertubuhan.
4.
 - a. Perbelanjaan kurang RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Pengerusi bersama Setiausaha dan Bendahari.
 - b. Perbelanjaan yang lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar tanpa kelulusan oleh Jawatankuasa.
 - c. Perbelanjaan yang lebih daripada RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Seratus Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agong terlebih dahulu.
5. Penyata perihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik di bawah Fasal 11 Undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan oleh Mesyuarat Agong Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Pertubuhan.
6. Tahun Kewangan Pertubuhan ini bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember setiap tahun.

FASAL 11 PEMERIKSA KIRA-KIRA

1. Dua orang yang bukannya pegawai Pertubuhan boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agong Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka akan memegang jawatan selama satu tahun dan boleh dilantik semula.
2. Pemeriksa Kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira

Pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agong Tahunan. Mereka juga pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Yang DiPertua mengaudit kira-kira Pertubuhan dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

FASAL 12 PEMEGANG AMANAH

1. Tiga orang pemegang amanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agong dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Pertubuhan.
2. Semua harta tetap kepunyaan Pertubuhan akan diamanahkan kepada mereka dengan menandatangani satu Surat Amanah (Deed of Trust).
3. Pemegang Amanah tidak boleh menjual, menarik balik atau memindahkan hakmilik harta kepunyaan Pertubuhan dengan tidak mendapat kelulusan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agong Pertubuhan.
4. Seseorang Pemegang Amanah itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agong oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab lain yang mengakibatkan beliau tidak dapat menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan.
5. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan, kebangkrapan atau pembuangan seseorang Pengamanah, maka kekosongan itu boleh dipenuhi oleh Pengamanah yang baru yang dilantik di dalam Mesyuarat Agong.

FASAL 13 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

1. Diantara berlangsungnya Mesyuarat Agong, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada Undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan apa-apa perkara yang tidak terkandung di dalam Undang-undang ini.
2. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agong, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agong.

FASAL 14 PENASIHAT/PENAUNG

Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/Penaung bagi Pertubuhan ini dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis.

FASAL 15 LARANGAN

1. Permainan yang disebutkan dibawah ini tidak boleh dimainkan didalam Rumah Pertubuhan: Roulette, Lotto, Fan Tan, Poh, Peh Bin, Belangkai, Pai Kau, Tau Ngau, Tien Kow, Chap Ji Kee, Sam Cheong, Dua Pulouh Satu, Tiga Pulouh Satu, Sepuluh dan Setengah, semua permainan dadu, banker's game, video game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib.
2. Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan didalam gerakan Kesatuan Sekerja seperti yang diterangkan didalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959.
3. Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri samada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
4. "Faedah" seperti yang diterangkan dibawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan, 1966 tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahli.

FASAL 16 PINDAAN UNDANG-UNDANG

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agong. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agong meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 17 PEMBUBARAN

1. Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang menghadiri dalam satu Mesyuarat Agong yang dipanggil khas kerananya.

2. Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agong berkenaan.
3. Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.